

CNS6586

R GB 24-08 00192 BC507

bah

BN - Mahathir

DR MAHATHIR AJAK RAKYAT TERUS USAHA BANGUNKAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengajak rakyat meneruskan usaha sejak merdeka dan bekerja keras untuk memastikan Malaysia mampu menandingi negara-negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata usaha itu perlu diambil kerana melalui perjuangan Barisan Nasional (BN), Malaysia mencapai pembangunan yang dapat dinikmati oleh semua kaum di samping mampu mewujudkan perpaduan di kalangan mereka.

"Dengan konsep yang berterusan kita akan mara hingga ke tahun 2020 bagi membolehkan kita terus memerintah kerana perjuangan masih belum tamat," katanya semasa berucap pada perhimpunan sambutan ulangtahun ke-20 BN di Dataran Merdeka, di sini.

Beliau yakin dengan sokongan padu daripada semua rakyat berbilang kaum, Malaysia mampu untuk terus maju di bawah pimpinan berterusan BN.

Dr Mahathir bagaimanapun menasihatkan rakyat supaya sentiasa memperingati diri, mensyukuri apa yang diperolehi selama ini dan insaf dengan nikmat yang ada.

Ini, katanya, kerana bukan semua negara yang dapat merasai nikmat seumpama itu hasil daripada perpaduan kaum dan yang kemudiannya menghasilkan keadaan aman yang berterusan di Malaysia. -- Laqi

▼24/08/23-175MS

R GB 24-08 00178 BC508

bah

BN - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Sambil menganggapi perpaduan kaum sebagai kejayaan terbesar Malaysia hasil usaha Parti Perikatan dan BN, beliau berkata keadaan itu dicapai kerana pandangan jauh pemimpin-pemimpin terdahulu seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman, alahyarham Tun Dr Ismail, Tun Tan Siew Sin, Tun S. Sambanthan dan lain-lain.

"Inilah kejayaan terbesar bagi Malaysia walaupun kita mempunyai rakyat pelbagai kaum," katanya sambil menegaskan bahawa keadaan itu sebenarnya merupakan perkara luar biasa.

Dalam hal ini beliau juga mengingatkan rakyat supaya sentiasa peka kerana perpaduan itu jugalah menyebabkan Britain terpaksa memberikan kemerdekaan dua tahun lebih awal kepada Malaysia setelah menyedari bahawa rakyat negara ini tidak boleh dilaga-lagakkan.

Dr Mahathir bangga kerana BN yang ditubuhkan hanya beberapa tahun selepas rusuhan kaum pada 1969 mampu membina perpaduan yang lebih jitu dan mengukuhkan ketahanan melalui pembangunan seimbang.

Katanya bagi memastikan keseimbangan itu, kerajaan BN menggalakkan yang kaya terus menjadi kaya bagi membantu golongan miskin berbanding dengan kaedah di negara-negara komunis yang mengagihkan kemiskinan dengan merampas harta mereka yang kaya. -- Laqi

▼24/08/23-395MS

R GB 24-08 00173 BC509

bah

BN - Mahathir 3 Kuala Lumpur

Dalam menangani masalah ketidakseimbangan kedudukan ekonomi sehingga menyebabkan tragedi pada 1969, Pengerusi BN itu berkata gabungan itu menghayati cerita angsa bertelur emas.

"Kita ambil telurnya sebiji-sebiji dan tidak menyembelih angsa untuk mendapatkan semua telur sekali gus kerana jika itu dilakukan hasil akan hanya diperolehi sekali sahaja."

BN, katanya, telah mencipta satu dasar ekonomi yang bukan berdasarkan kepada rampasan harta golongan kaya tetapi dengan menyediakan pelbagai peluang untuk rakyat kerana cara ini lebih selamat.

Baqaimanapun, beliau yakin Malaysia tidak akan mencapai kejayaan sekiranya rakyat bermusuhan sesama sendiri sehingga menyebabkan pengusaha asing enggan melabur beribu juta ringgit seperti yang berlaku sekarang.

Kejayaan itu juga, katanya, menyebabkan pengusaha Malaysia sendiri mampu melabur bukan sahaja di dalam negara, malahan di negara-negara asing kerana mereka telah dapat menguasai pelbagai teknologi tinggi yang diperlukan.

Perdana Menteri berkata keadaan ini amat berbeza dengan andaiian pelbagai akhbar asing yang sering meramalkan bahawa rusuhan kaum akan berlaku di negara ini. -- Lagi

▼24/08/23-555MS

R GB 25-08 00175 BC510

bah

BN - Mahathir 4 (Akhir) Kuala Lumpur

"Akhbar asing sering menabur fitnah... mereka tidak ada langsung cerita yang baik-baik tentang kita," katanya sambil menambakkata bahawa walaupun sering difitnah, cara kerjasama BN akhirnya diiktiraf juga oleh negara-negara lain yang mahu mencontohinya.

Beliau bangga kerana kerajaan BN, yang dianggotai 14 parti komponen, berjaya membanqukan Malaysia sehingga menjadi contoh di seluruh dunia berbeza dengan keadaan di negara-negara lain yang gagal mengadakan pakatan walaupun antara dua buah parti.

Dr Mahathir berkata apa yang dikatakannya bukan merupakan kempen pilihan raya tetapi adalah satu kenyataan yang perlu diteruskan sekiranya rakyat mahu Malaysia terus dibormati.

Mengenai keanggotaan dalam BN, beliau berkata gabungan itu sedia menerima mana-mana parti yang mahu menyertainya asalkan para pemimpinnya sanggup mematuhi prinsip BN.

Majlis itu turut disertai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin parti-parti komponen, Menteri-menteri Kabinet serta Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Upacara yang disiarkan secara langsung oleh TV Malaysia itu, juga dihadiri lebih-20,000 orang. -- Bernama

JO RON